

hovid-Megestrol Oral Suspension 40mg/ml

Megestrol Acetate, USP (40 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan hovid-Megestrol Oral Suspension 40mg/ml
2. Bagaimana hovid-Megestrol Oral Suspension 40mg/ml berfungsi
3. Sebelum menggunakan hovid-Megestrol Oral Suspension 40mg/ml
4. Cara menggunakan hovid-Megestrol Oral Suspension 40mg/ml
5. Semasa menggunakan hovid-Megestrol Oral Suspension 40mg/ml
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan hovid-Megestrol Oral Suspension 40mg/ml
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan hovid-Megestrol Oral Suspension 40mg/ml

hovid-Megestrol Oral Suspension 40mg/ml digunakan untuk merawat penurunan badan yang ketara atau rasa takut yang berlebihan terhadap peningkatan berat badan antara wanita dan lelaki.

Bagaimana hovid-Megestrol Oral Suspension 40mg/ml berfungsi

hovid-Megestrol Oral Suspension 40mg/ml boleh mengurangkan penurunan berat badan yang ketara dengan meningkatkan selera makan.

Sebelum mengambil hovid-Megestrol Oral Suspension 40mg/ml

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan menggunakannya:

- jika anda alah kepada megestrol acetate atau bahan lain yang terkandung dalam ubat ini
- jika anda mengandung atau berkemungkinan mengandung.
- Jika anda belum mengalami penurunan berat badan, tetapi ingin mengambil untuk mengelakkan penurunan berat badan yang dijangka.

- Sebelum mula mengambil hovid-Megestrol Oral Suspension 40mg/ml

Sila beritahu doktor anda:

- Jika anda mempunyai penyakit kencing manis kerana megestrol acetate boleh meningkatkan tahap gula darah
- Jika anda mempunyai masalah toleransi terhadap sesetengah jenis gula

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat lain, telah mengambil ubat lain kebelakangan ini atau mungkin mengambil ubat lain.

Cara menggunakan hovid-Megestrol Oral Suspension 40mg/ml

- Berapa banyak harus diambil

Dos cadangan hovid-Megestrol Oral Suspension 40mg/ml bagi dewasa adalah 400mg sehingga 800mg sehari, bersamaan dengan 10ml hingga 20 ml sehari.

- Bagaimana menggunakan

Goncang botol sebelum menggunakannya. Cawan dos plastik bersaiz 20ml yang mempunyai garis ukur setiap 2.5ml dibekalkan untuk memudahkan pengguna.

- Bila perlu diambil

Anda boleh mengambil hovid-Megestrol Oral Suspension 40mg/ml dengan atau tanpa makanan.

- Berapa lama perlu diambil

hovid-Megestrol Oral Suspension 40mg/ml hendaklah diambil mengikut nasihat doktor.

- Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa untuk mengambil dos selama beberapa jam, jangan risau. Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda ingat. Jika ia hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan ambil ubat itu pada masa yang dijadualkan seterusnya. Jangan mengambil ubat tambahan untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)

Anda dinasihatkan untuk menghubungi doktor dengan kadar yang segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital yang terdekat sekiranya anda terambil dos hovid-Megestrol Oral Suspension 40mg/ml yang berlebihan.

Semasa menggunakan hovid-Megestrol Oral Suspension 40mg/ml

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor anda:

- jika tahap gula darah anda tidak terkawal
- jika anda mengandung dalam jangkamasa mengambil ubat ini.

Ambil hovid-Megestrol Oral Suspension 40mg/ml seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau menurunkan dos tanpa nasihat daripada doktor.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Penyakit Kencing Manis

Pengambilan hovid-Megestrol Oral Suspension 40mg/ml boleh menyebabkan tahap gula anda tidak terkawal dan meningkatkan keperluan insulin. Sila dapatkan nasihat doktor sekiranya anda mengambil hovid-Megestrol Oral Suspension 40mg/ml dan insulin dalam tempoh yang sama.

Kesan Hormon

Penggunaan megestrol acetate untuk jangkamasa yang panjang mungkin akan mengakibatkan sindrom Cushing (tahap hormon Cortisol yang tinggi dalam badan). Selain itu, kekurangan adrenal (ketidakseimbangan hormon yang berlaku semasa kelenjar adrenal tidak menghasilkan sebahagian hormon yang cukup) mungkin akan berlaku sekiranya anda mengambil megestrol untuk jangkamasa yang panjang atau berhenti selepas penggunaan megestrol untuk jangkamasa yang panjang.

hovid-Megestrol Oral Suspension 40mg/ml

Megestrol Acetate, USP (40 mg)

Oleh itu, anda dinasihatkan untuk memberitahu doktor anda sekiranya anda mengalami loya, muntah, pening atau lemah badan.

Hamil

Megestrol acetate mungkin memudaratkan bayi yang belum lahir sekiranya anda mengandung. Sekiranya megestrol diberi kepada wanita yang mengandungkan bayi lelaki, bayi lelaki tersebut mungkin akan mempunyai masalah kesuburan. Sekiranya anda wanita yang berkemungkinan untuk mengandung, sila gunakan cara pencegah kehamilan yang berkesan untuk mengelakkan kehamilan.

Menyusu

Anda dinasihatkan untuk henti memberikan susu badan sendiri kepada anak sekiranya anda tengah mengambil hovid-Megestrol Oral Suspension 40mg/ml.

Kesan-kesan sampingan

Sila mengambil perhatian terhadap kesan sampingan seperti di bawah semasa mengambil ubat hovid-Megestrol Oral Suspension 40mg/ml.

- Umum: sakit perut, sakit dada, jangkitan, jangkitan yis pada mulut.
- Kardiovaskular (Jantung): kardiomiopati (pengurangan keberkesanan jantung untuk pam darah), kadar denyutan jantung yang cepat
- Sistem penghadaman: sembelit, mulut kering, peningkatan air liur
- Metabolisme: Bengkak (terutamanya di pergelangan kaki)
- Sistem saraf: kebas, kekeliruan, sawan, murung, sakit menyengat pada saraf, pemikiran kurang normal
- Sistem Pernafasan: sesak nafas, batuk
- Kulit: keguguran rambut, kegatalan, ruam, berpeluh
- Sensasi Khas: penglihatan terganggu
- Sistem Urogenital: Pembuangan kencing yang tidak terkawal, pembesaran saiz payudara

Jika anda mendapat apa-apa kesan sampingan, beritahu doktor atau ahli farmasi anda. Ini termasuklah kesan sampingan yang mungkin tidak disenaraikan di dalam risalah ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan hovid-Megestrol Oral Suspension 40mg/ml

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Simpan ubat ini jauh dari penglihatan dan pencapaian kanak-kanak.

- Pelupusan

Jangan buang apa-apa ubat-ubatan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi bagaimana untuk membuang ubat-ubatan anda yang tidak diperlukan lagi. Langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

hovid-Megestrol Oral Suspension 40mg/ml adalah cecair yang berwarna putih atau kuning muda. hovid-Megestrol Oral Suspension 40mg/ml disimpan dalam botol plastik HDPE 120mL and dibekalkan dengan satu cawan dos plastic polypropylene.

Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: Setiap ml hovid-Megestrol Oral Suspension 40mg/ml mengandungi 40mg megestrol acetate.
- Bahan tidak aktif: Citric Acid Anhydrous, Colloidal Silicon Dioxide, Glycerin, Polyoxyl Castor Oil, Polysorbate, Purified Water, Saccharin Sodium, Simethicone, Sodium Benzoate, Banana Essence, Sorbitol

MAL number:

MALXXXXXXXXXA

Pengilang

Winston Medical Supply Co, Ltd.
No 117, Ren'ai St, Yongkang Dist,
Tainan City, Taiwan, ROC.

Pemegang Pendaftaran Produk HOVID Bhd.

121, Jalan Tunku Abdul Rahman
(Jalan Kuala Kangsar),
30010 Ipoh, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

21 September 2020

Nombor Siri

NPRA(R2)19/209